

## NOTA EDITOR / EDITOR'S NOTE

### **Dari Pekan ke Bandaraya Mega: Mencari Keberdaya Hunian Kehidupan Bandar Di Malaysia**

*From Town to Mega City: Looking for Livability City in Malaysia*

**Abdul Samad Hadi & Shahrudin Idrus**

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor.  
e-mel: dinn6358@gmail.com

---

### **Pengenalan**

Semakin ramai penduduk mendiami 'bandar'. Anggaran oleh Bahagian Kajian Bandar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyatakan bahawa kini, melebihi 50 peratus daripada 7 bilion penduduk dunia berada dalam petempatan bergelar bandar menurut takrif negara masing-masing. Di Malaysia menurut laporan bancian penduduk 2010, lebih dari 70 peratus penduduk Malaysia tinggal dalam Bandar (Jabatan Statistik Malaysia 2012). Angka ini akan menjadi lebih tinggi jika takrif 'bandar' itu diluweskan dengan memasukkan perkampungan FELDA dan kawasan terbandar di merata pinggir bandar-bandar utama. Demi hari ke hari sekian ramai lagi penduduk membuat keputusan untuk mendiami 'bandar'. Justeru, milenium ini (kurun ke-21) adalah kurun 'bandar'. Bandar mengungguli arah aliran pengelompokan kediaman yang dipilih oleh warga di mana-mana negara. Lebih penting lagi, 'bandar' menentukan arah budaya kehidupan seharian kesemua kita di mana-mana hari ini.

### **Merungkaikan Konsep "Bandar"**


Mengapa memilih untuk tinggal di bandar? Ringkasnya, bandar melonggokkan kekayaan, keilmuan, pengetahuan, teknologi, prasarana fizikal, ekonomi dan sosial, pengelompokan kediaman dengan kemudahan semasa, hampir ke pusat membeli belah, kemungkinan mobiliti yang tinggi dan keceriaan (*vibrancy*) ekonomi dan sosial, dan riadah yang selesa. Bandar adalah gerbang untuk memasuki ruang ketamadunan baru yang sedang membangun, dan kita adalah pelaku yang sedang terlibat secara langsung untuk memasuki ruang ketamadunan baru tersebut. Tetapi melihat melalui

jendela bandar ini menghala ke arah tumpuan tertentu kita akan bersua pula dengan kumpulan setinggan, kelompok miskin, kumpulan terpinggir, dan seumpamanya. Jadi, bandar adalah satu petempatan yang kontra tetapi meningkat unggul yang sentiasa menunjukkan kemungkinan kejayaan.

Mari kita runtkaikan konsep ‘bandar’. Konsep yang dikembangkan di negara Barat adalah berasaskan jumlah penduduk dengan kegiatan utamanya bukan pertanian. Ini ukuran yang lazim dan tegar digunakan pada satu ketika dahulu, selain pelbagai lagi penunjuk seperti kawasan perumahan moden, kepadatan penduduk, perniagaan, dan industri pembuatan. Justeru, sesuatu petempatan itu dikelaskan sebagai ‘bandar’ bila petempatan itu berkelompok dengan penduduk sekurang-kurangnya 2,000 orang di Amerika Syarikat dan 10,000 orang di Malaysia, dengan ekonominya berasaskan bukan pertanian.

Bagaimana pula dengan konsep ‘bandar’ ini harus dirungkaikan untuk Malaysia? Satu laluan adalah kita runtkaikan dahulu konsep ‘pekan’. Perbualan santai dengan ratusan warga emas selama 40 tahun, dapat dirumuskan bahawa ‘pekan’ itu adalah satu ‘pasar’ - tempat berjual beli dan bertukar barangan. Jadi kita pernah mendengar tentang pekan Ahad, pekan Rabu dan lain-lain. Dari sudut ini konsep pekan itu berkembang, bersesuaian dengan terjemahan konsep ‘urban’ Barat. Tetapi ‘bandar’ seperti yang kita lihat hari ini, walaupun masih tugas asasnya sebagai satu pasar, sudah menunjukkan suatu petempatan yang kompleks, dengan tindaan lapis penunjuk, seperti prasarana, perniagaan, ruang pejabat dan sebagainya.


Sebagai konteks perbincangan ini, satu kerangka mudah bagi mengaitkan proses kepada bentuk kawasan bandar dan transisi perubahan-pengembangannya menurut masa, iaitu a) Permulaan bandar seperti yang kita fahami hari ini, 1500-1948; b) Pembandaran pseudo (meminjam konsep T.G. McGee 1971) - 1949-1970; dan c) Membangun ke arah konurbasi kawasan perbandaran, pembentukan bandaraya, bandar mega, dan mutakhir ini bandar mega diperluas - 1971- kini. Rajah 1 di bawah meringkaskan kerangka tersebut.



**Rajah 1** Kerangka Perbincangan Pembandaran Wilayah Perbandaran Mega Diperluas, 1971-hari ini.

Kita mulakan perbincangan ini dengan peringkat terkini. Pada transisi kemajuan bandar sehingga hari ini, sudah nyata bahawa setiap bandar sudah mengalami kemajuan dan

terus berkembang. Sempadan sempit yang diwartakan puluhan tahun dahulu dirobek, pecah dan menular ke kawasan luar bandar. Dalam kedinamikan keadaan itu bandar-bandar bercantum dan langsung membentuk kawasan konurbasi perbandaran (*urban conurbation*). Sebagai contohnya, mutakhir ini kita dapat saksikan pemerebakan Kuala Lumpur yang merangkumi kawasan lebih luas dari kawasan ‘*Greater Kuala Lumpur*’. Kawasan terbandar dari lembangan Linggi ke lembangan Bernam sudah mempunyai penduduk sekitar 10 juta orang, iaitu sekitar 50 % daripada jumlah penduduk Semenanjung Malaysia pada 2010 dan dijangka meningkat kepada 10 juta orang dalam tahun 2020. Kawasan perbandaran ini telah menunjukkan perkembangan guna tanah yang meluas dalam tempoh lebih enam dekad yang lampau. Kawasan dinamakan sebagai Wilayah Perbandaran Diperluas Kuala Lumpur (Rajah 2). Wilayah Perbandaran Mega Diperluas Kuala Lumpur ini melibatkan lima buah negeri utama iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan



**Rajah 2** Guna tanah Wilayah Perbandaran Mega Diperluas Kuala Lumpur

Putrajaya, sebahagian Negeri Sembilan dan sebahagian selatan Perak. Negeri Melaka sebahagiannya juga termasuk di dalam wilayah perbandaran mega ini namun dalam

jumlah yang kecil sahaja. Perkembangan perbandaran di kawasan ini berlaku dengan lebih pantas. Jumlah penduduk yang ramai memerlukan pelbagai perkara yang perlu difikirkan dalam konteks wilayah perbandaran mega dan tidak lagi dalam kelompok-kelompok kecil dan sempadan pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

### **Pemacu Perubahan Bandar**

Apakah pemacu-pemacu yang membawa pemerebakan kawasan perbandaran secara meluas begini? Satu konsep yang digunakan adalah aliran modal (Harvey, 2010). Pelbagai jenis modal mengalir dan meledak di serata dunia mencari keuntungan di negara-negara yang menarik dan boleh memberikan tempat dan keuntungan untuk membuka kilang pengeluaran barangan eksport, untuk membuka gedung membeli belah, membuka institut pengajian tinggi, pengangkutan dan sebagainya. Proses globalisasi terus bergerak dan dimungkinkan oleh dunia tanpa sempadan (Ohmae, 1990) dan dalam ruangan siber masa meluluh ruang. Dampak perkembangan tersebut dapat kita semua saksikan hari ini, seperti keceriaan (*vibrancy*) kehidupan dan budaya bandar dengan pelbagai lapis dan jenis kilang yang menawarkan pekerjaan, pusat membeli belah terancang, adaptasi kedai-kedai runcit asal untuk terus kekal menarik pembeli, serta kedai-kedai dengan produk berjenama. Apa yang kelihatan di Malaysia juga kelihatan di negara-negara lain. Justeru, kita sedang menyaksikan satu proses penghomogenan budaya bandar dan perbandaran global yang tidak pernah disaksikan sebelum ini.

### **Pembandaran Pseudo 1948-1970**

Transisi perubahan bandar dalam waktu ini bermula sejak penjajahan Inggeris bertapak semula di Malaysia selepas berlakunya peperangan Pasifik. Semua bandar yang sudah dibina oleh penjajah masih kekal dengan tugas besarnya sebagai pusat perkhidmatan kawasan, pendidikan peringkat menengah, pasaran membeli belah setempat, pusat mengumpul produk seperti getah, keluaran pertanian kecil-kecilan kampung dan sebagainya. Bandar ini dikatakan sebagai malap dan mengantuk (*sleepy hollow*) iaitu tidak menggerakkan pembangunan tetapi menyedut kekayaan setempat. Di beberapa bandar utama, seperti Kuala Lumpur, dapat memberi lebih peluang pekerjaan berbanding di Kuala Pilah di Negeri Sembilan misalnya. Sejak sekitar awal 1950-an, perkembangan bandar mula ceria setelah dipacu oleh pelaburan dalam industri gantian import. Petaling Jaya dibangunkan sebagai bandar baru berasaskan konsep dalam gerakan bandar baru di Britain yang pada mulanya adalah untuk menyelesaikan masalah setinggan di sekitar kawasan lombong di Kuala Lumpur dan juga cuba menjadikan taman perumahan lebih terancang dan selesa kepada kelas menengah yang sudah mula berkembang.

Oleh sebab keberadaan pemacu-pemacu adalah terhad untuk mengembangkan kesemua kemungkinan keceriaan bandar dan perbandaran, kemiskinan di luar bandar

menerjah hebat untuk mengeluarkan lebih anak-anak muda desa pergi merantau ke bandar. Struktur ekonomi di bandar-bandar ini tidak dapat menampung kesemua keperluan para migran dari desa dalam karya pekerjaan, perumahan, pengangkutan, dan seterusnya maka meledaklah pula kawasan setinggan, sektor tidak formal dalam perniagaan, serta masalah sosial yang tidak menentu. Perantau ini ketika itu tidak memiliki pengetahuan untuk pekerjaan di bandar, tanpa kemahiran, dan tanpa tabungan kewangan yang kukuh. Penduduk bandar berkembang tetapi kehidupan masih dalam keadaan sama atau lebih teruk dari keadaan di desa. Kami meminjam konsep pambandan pseudo Terry McGee kerana beliau telah mengungkapkan realiti pambandan dan kehidupan migran Melayu di Kuala Lumpur pada 1950-1960-an ketika beliau menjadi tenaga pengajar di Universiti Malaya. Pengalaman ini amat kontra dengan keadaan di bandar-bandar di negara maju semasa proses pambandan pesat berlaku.

### **Bandar Pada Tempoh Awal 1500-1947**

Walaupun terdapat petempatan yang boleh dinyatakan sebagai petempatan bandar pada zaman pra sejarah dan selepas itu (sila rujuk kajian-kajian arkeologi Malaysia), bandar yang kita lazim lihat pada hari ini terhasil daripada pacuan kegiatan perdagangan dan kemudian pelaburan Britain di negara ini. Sumber asli khasnya tanah dan kandungan mineralnya yang kaya dan amat diperlukan oleh pengusaha industri di Britain dan di Eropah menjadi penarik dan penjana kegiatan usahawan dari Britain dan kemudian dari kawasan Anglopon.

Dari gerak ini, pada mulanya mereka menubuhkan kawasan perhentian untuk pedagang (*trading stations*) - di Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka yang sudah pun maju sebagai satu pelabuhan perdagangan ketika kerajaan Melayu Melaka lagi. Dari pesisir pantai dan dari kegiatan satu Syarikat (British East Hindia Company), kerajaan kolonial Inggeris mula campur tangan dengan negeri-negeri Melayu khasnya untuk memulakan eksploitasi bijih dan kemudian mengkomersialkan pengeluaran getah di kawasan hutan yang masih luas. Bandar untuk pentadbiran, pegangan kepentingan dan perkhidmatan perniagaan dirancang berasaskan pelan '*layout*' dari konsep di Britain. Dari dekad ke dekad ruang negara ditaburi dengan pusat bandar ini, mengambil lokasi yang strategik dalam ruang negara yang sudah diolah menurut keperluan hierarki pentadbiran dan 'kawalan'.

Sehingga 1948, bandar-bandar 'terokaan' kolonial Inggeris mempamerkan budaya bandar yang dikonsepsikan oleh keperluan penjajah Inggeris untuk mentadbir penerokaan untuk longgokan kekayaan, pengisian kegiatan dan kemajuan yang seterusnya dikaitkan dengan tradisi pusat komersial di wilayah China Selatan dari mana pekedai ini rata-ratanya berasal. Kedai dua tingkat menjadi rumah kediaman di tingkat atas dan perniagaan di lantai bawah. Kedai runcit dan pusat borong, pasar basah dan kegiatan perkhidmatan pengangkutan serta keperluan lain adalah kendalian kumpulan ini. Pekerja lain dalam sektor-sektor tertentu pula rata-ratanya terdiri daripada pekerja

India. Pembabitan anak tempatan dalam kegiatan bandar ternyata ada, tetapi rata-ratanya pinggir, dari segi jumlah dan peranan yang dimainkan.

## **Penerokaan Bandar Berdaya Huni Dalam Era Kontemporari**

Bandar di Malaysia sudah pun menempuh tiga transisi, tetapi masih hanya berumur sekitar 200 tahun, dengan pengalaman komersialnya pula sekitar 500 tahun dari pertembungan awal budaya lokal dengan pengglobalan perdagangan awal. Tetapi dalam keadaan ledakan kemajuan, maklumat, teknologi dan pengetahuan masyarakat di dunia kini, Malaysia dipaksa untuk menerpa dengan pantas ke hadapan dan membuat penyesuaian kepada tuntutan pembangunan berteraskan modal yang dikaitkan dengan proses globalisasi. Dalam keadaan itu, dalam mana ruang dimampatkan oleh masa, masyarakat Malaysia juga terpaksa membuat penyesuaian pantas, agar tidak ketinggalan bersama arus kemajuan global.

Selari dengan perkembangan budaya pemandaran global dan tuntutan budaya ini di Malaysia, supaya masyarakatnya bersama dengan kemajuan yang dijana oleh proses globalisasi dan tuntutan transformasi pembangunan mutakhir di negara ini, kita perlu membuat adaptasi satu corak respons terhadap ledakan kawasan bandar, perbandaran dan terbandar. Kini kita sudah menyaksikan bandar mega diperluas Kuala Lumpur (*Extended Mega Urban Region Kuala Lumpur*) dan beberapa lagi kawasan sedemikian yang dalam proses ke arah pembentukan perkelompokan bandar mega. Semakin ramai warga Malaysia mendiami bandar semakin banyak pula isu dan tuntutan warganya.

Teras pencarian kumpulan penyelidik kami menumpu kepada merealisasikan ‘bandar yang berdaya huni’ (*Livable City*). Bandar berdaya huni adalah satu tafsiran (yang dibuat oleh penyelidik di merata tempat di dunia) bandar lestari yang berada dalam lingkungan ‘Pembangunan Lestari’ (*Sustainable Development*). Ringkasnya, bandar berdaya huni adalah bandar yang ceria (*vibrant*) – dengan ekonominya berkembang maju, menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk memenuhi tuntutan penduduknya yang juga kian bertambah, kualiti hidup meningkat, alam sekitar yang sihat dan warganya terkawal lepasan karbon, sisa buangan dan pencemar, sifar miskin tegar di kalangan warganya dan di pedalaman, mudah sampai kepada kemajuan pengetahuan, teknologi semasa, kepada pemilikan rumah mampu milik, cukupnya waktu untuk beriadah bersama keluarga dan sebagainya.

Kita semua harus menyumbang kepada pembentukan konsep dan gerakan untuk mengimplementasikan konsep bandar berdaya huni ini. Kita juga adalah semua pihak berkepentingan dalam usaha merealisasikannya. Satu asas untuk merealisasikannya menjurus kepada kewujudan pengetahuan setempat (*local knowledge*) yang wujud sejak sekian lama namun tidak diberikan penekanan sewajarnya. Salah satu contohnya adalah melalui ciri-ciri yang terkandung di dalam kata-kata Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sebagai contohnya seperti ini:

Tanah sekepal dijadikan gunung,  
Air setitik dijadikan laut,  
Alam terkembang dijadikan guru.  
Adat bersendi hukum,  
Hukum bersendi Kitab Allah,  
Syarak menunjuk,  
Adat memakai.

Kesemua kata-kata adat ini memerlukan tafsiran yang tepat untuk merealisasikannya dalam konteks moden sekarang ini.

## Rujukan

- Amstrong, W & McGee, T. G. (1985). *Theatres of Accumulation. Studies in Asian and Latin American Urbanization*. New York: Methuen.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2012). *Banci Penduduk dan Perumahan Negara 2010*. Putrajaya: Cetakan Kerajaan.
- Harvey, D. (2010). *The Enigma of Capital and The Crisis of Capitalism*. Oxford: Oxford University Press.
- McGee, T. G. (1971). *The Urbanization Process in the Third World*. London: G Bell & Sons.
- Ohmae, K. (1990). *The Borderless World: Power and Strategy in the Interlinked Economy*. New York: Harper Collin Publisher.